

RESIDEN BRITISH DAN PENTADBIRAN DI SELANGOR, 1874-1895

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria*

Abstrak

Kurun ke-19 mencatatkan peristiwa penting dalam perkembangan pentadbiran negeri Melayu. Pada kurun ini, kerajaan British melalui peranan Gabenor Negeri-Negeri Selat menempatkan seorang pegawai bertaraf residen; penolong residen di Selangor, residen dan penolong residen di Perak, residen dan penolong residen di Sungai Ujong, dan Residen British Pahang. Dalam hal ini, Selangor menjadi negeri Melayu terawal menerima Residen British berkhidmat dalam pentadbiran; diikuti Perak, Sungai Ujong, dan Pahang. Berbeza dengan Perak, Sungai Ujong dan Pahang, penglibatan dan pelantikan Residen British di Selangor tidak melalui perjanjian, tetapi dikaitkan dengan hasrat aristokrat Selangor berhasrat menerima seorang pegawai British berkhidmat sebagai penasihat dalam pentadbiran. Berikutan itu, Andrew Clarke menghantar Frank Athelstane Swettenham ke Selangor, sebagai Penolong Residen British, dan berhasrat akan melantik sebagai Residen British. Oleh disebabkan terdapat bantahan antaranya pegawai British kerana Swettenham masih muda, ketika itu berusia 24 tahun menyebabkan Clarke menggantikan James Guthrie Davidson sebagai Residen British Selangor. Ekoran itu, Davidson dihantar ke Selangor menyandang jawatan Residen British pada Oktober 1874. Sehubungan itu, makalah ini mengupas mengenai Residen British dan penglibatan mereka dalam pentadbiran Selangor dari 1874 sehingga 1895. Dalam tempoh ini, tujuh residen dilantik, dan terlibat dalam pentadbiran Selangor. Sementara itu dalam tulisan ini, pelbagai sumber primer dan sekunder diguna bagi melengkap perbincangan dan analisis, sintesis dan interpretasi. Penglibatan British melalui Residen British menyebabkan perubahan berlaku dalam pentadbiran, dan juga pembangunan kemudahan sosial. Walaupun begitu, institusi raja dikekalkan dan berada di kedudukan tertinggi dalam pentadbiran Selangor.

Kata kunci: Residen British Selangor, Sultan Selangor, Raja Muda Selangor, Peranan di Selangor.

* Dr. Ahmad Farhan ialah lulusan PhD Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Pendahuluan

Pelantikan Residen British bermula di Selangor apabila Gabenor Negeri-Negeri Selat, Andrew Clarke menghantar Frank Athelstane Swettenham berkhidmat sebagai Penolong Residen British Selangor pada Ogos 1874. Kemudian, James Wheeler Woodford Birch tiba di Perak pada 4 November 1874, bertugas sebagai Residen British Perak; Patrick James Murray dilantik sebagai Penolong Residen British Sungai Ujong pada Disember 1874; dan John Pickersgill Rodger dilantik sebagai Residen British Pahang pada Oktober 1888. Kuasa dan hak kuasa residen tertakluk kepada persetujuan dicapai oleh kedua-dua pihak ketika menerima pelantikan tersebut. Dalam hal berkaitan bidang kuasa residen ini disebut, sultan atau raja dikehendaki meminta nasihat daripada residen, dan bertindak mengikut nasihat tersebut dalam semua perkara, kecuali hal ehwal agama dan adat Melayu. Bersandarkan prinsip ini, residen terlibat dalam pentadbiran negeri Melayu, antaranya Selangor. Walaupun Swettenham menyandang jawatan Penolong Residen British Selangor sejak 1874, tetapi beliau tidak dilantik sebagai Residen British Selangor. Antara alasan dinyatakan, Swettenham tidak mendapat ramai sokongan khususnya pegawai British Negeri-Negeri Selat kerana usianya terlalu muda, berumur 24 tahun. Berikutan itu, pada Oktober 1874, Clarke menghantar James Guthrie Davidson ke Selangor sebagai Residen British. Sejak pertama kali pelantikan Residen British pada 1874 sehingga 1895, terdapat tujuh orang Residen British di Selangor. Davidson (1874-1876), Kapten William Bloomfield Douglas (1876-1882), Swettenham (1882-1889), Rodger (1888-1889), William Edward Maxwell (1889-1892), Ernest Woodford Birch (1892), dan William Hood Treacher (1892-1895). Ketujuh-tujuh Residen British Selangor ini berkhidmat ketika pemerintahan Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah (1857-1898). Sepanjang tempoh perkhidmatan tujuh Residen British ini, Selangor mengalami pelbagai perubahan dalam pentadbiran, sosial, ekonomi dan sosioekonomi.

Campur Tangan British di Selangor

Sebelum campur tangan dalam hal ehwal Selangor pada 1874, British telah terlibat dalam beberapa buah kerajaan Melayu. Pada 1786, Francis Light melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris terlibat dalam kerajaan Kedah, menduduki Pulau Pinang.¹ Pada 1819, Thomas

1 Francis Light merupakan pengasas pembukaan Pulau Pinang pada 1786 (maksud di sini membuka pelabuhan Syarikat Hindia Timur Inggeris di George Town bukan Pulau Pinang keseluruhannya kerana pulau ini dihuni oleh masyarakat Melayu yang diperkenankan oleh Sultan Kedah pada awal abad ke-18). Light dilahirkan pada Disember 1740. Light meninggalkan angkatan tentera laut dan mengembara ke Timur pada 1765. Light dikerah oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris setelah berada di India untuk mengarah kapal perdagangan antara India dengan pelabuhan di Asia. Light berjumpa dengan Martina Rozells dan akhirnya mendapat tanah di Kuala Kedah termasuk Pulau Pinang untuk Syarikat Hindia Timur Inggeris. Namun begitu, Syarikat Hindia Timur Inggeris perlu menolong Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Kedah menentang kerajaan Rattanakosin. Akhirnya, Light mendapat Pulau Pinang melalui perkenan Sultan Abdullah Mukarram Shah pada 16 Julai 1786. Ekoran daripada keadaan tersebut, Light membuka pelabuhan di George Town yang asalnya dipenuhi pokok-pokok dan seramai 60 orang nelayan Melayu yang menghuni di kawasan tersebut membantu pihak British untuk menebang pokok-pokok yang perlu dibangunkan. Manakala penduduk Melayu di sekitar itu pula, diminta pindah ke kawasan lain. Seterusnya, Pulau Pinang menjadi sebuah pelabuhan entrepot terkenal. Light meninggal dunia akibat malaria pada 21 Oktober 1794. Light juga mengadakan hubungan dengan kerajaan Terengganu pada ketika itu. Sila lihat SP 12/128, Frank Athelstane Swettenham, A General Sketch of the Leading Facts Connected with the History of the Colony from the Earliest Periods, Bringing Out All Points

Stamford Bingley Raffles mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris terlibat dalam kerajaan Johor, menduduki Singapura.² Kemudian, British menduduki Melaka berkuat kuasa Perjanjian London 1824. Dalam pada itu, satu perkara penting berlaku dalam lipatan sejarah Asia Tenggara, Perjanjian 17 Mac 1824 menetapkan sempadan kuasa antara British di Tanah Melayu dengan Belanda di Kepulauan Indonesia.³ Ekoran negeri-negeri di Tanah Melayu iaitu Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dimiliki British, berada di bawah kawalan British India sehingga 31 Mac 1867.⁴ Ketiga-tiga entiti politik di Semenanjung Tanah Melayu ini dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat pada 1826 dan dikawal oleh Pejabat Tanah Jajahan mulai 1 April 1867.⁵

Pada awalnya, British mengamalkan dasar tidak campur tangan terhadap kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu. Namun begitu, atas pelbagai faktor British mengubah dasar tersebut kepada dasar campur tangan. Antara faktor utama menyebabkan perubahan dasar ini adalah untuk menjaga kepentingan British yang diancam oleh kekacauan penduduk tempatan. Pada September 1873, Earl of Kimberly, Setiausaha Tanah Jajahan mengaku bahawa perlunya mengubah dasar tersebut. Dalam hal ini, Earl of Kimberly mengemukakan tiga faktor yang mendorong beliau mengubah dasar tersebut. Menurut Swettenham, faktor pertama dikemukakan oleh Earl of Kimberly ialah aspek kemanusiaan. Earl of Kimberly berpendapat bahawa British sebagai kuasa yang unggul bertanggungjawab campur tangan dan menamatkan keadaan yang memalukan di negeri-negeri Melayu. Tanggungjawab tersebut merujuk sebagai aspek kemanusiaan sahaja. Namun begitu, di sebalik tanggungjawab terhadap aspek tersebut, memberi manfaat yang besar kepada kepentingan British di negeri-negeri Melayu. Menurut Swettenham lagi, “Sungguhpun Setiausaha Tanah Jajahan ingin menggunakan pengaruh

Which Have Become Political Questions (Imperial or Colonial), William Marsden, *A Grammar of the Malayan Language with an Introduction and Praxis*, London: Cox and Baylis, 1812, hlm. 137-155, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, *Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2010, hlm. 2-3, *Straits Times*, Francis Light, First British Pioneer in Malaya, 3 April 1954 dan *Straits Times*, Riddle of Francis Light, Malaya's First British Pioneer, 18 Januari 1958.

- 2 Singapura, sebelum ini dikenali sebagai Temasik, diasaskan pada abad ke-11. Singapura pernah dikuasai oleh kerajaan Singhasari pada abad ke-13. Ekoran kejatuhan Singhasari, Singapura dikuasai oleh kerajaan Melaka, diasaskan pada 1262. Akhirnya, berikutan kemangkatan Sultan Mahmud Syah, Sultan Melaka Terakhir, kerajaan Johor sebagai kesinambungan Melaka telah menguasai Singapura. Pada 30 Januari 1819, perjanjian antara Tun Abdul Rahman, Temenggong Johor dengan Thomas Stamford Bingley Raffles dilaksanakan. Ekoran itu, Singapura dimiliki oleh Raffles pada 6 Februari 1819. Raffles dilahirkan pada 6 Julai 1781 dalam perjalanan pulang dari West Indiaman iaitu di Pelabuhan Jamaica dengan menaiki Kapal Perdagangan *Ann* ke England. Ayahnya merupakan ketua dalam pengembaraan itu yang bernama Kapten Benjamin Raffles. Raffles merupakan pengkaji alam semula jadi selain menjadi pegawai British. Lihat dalam C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1819-1975*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, hlm. 1, R. O. Windstedt, “Tumasek or Old Singapore”, *150th Anniversary of the Founding of Singapore*, Singapore: JMBRAS Volume XLII, Part I, 1969, hlm. 10-15, Maurice Collis, *Raffles*, London: Faber and Faber, 1966, hlm. 1, R. Coupland, *Raffles 1781-1826*, London: Oxford University Press, 1934, hlm. 1, John Bastin, “Sir Stamford Raffles and the Study of Natural History in Penang, Singapore and Indonesia”, *MBRAS*, MBRAS Volume LXIII Part II, December 1990, hlm. 1 dan C. E. Wurtzburg, *Raffles of the Eastern Isles*, London: Hodder and Stoughton, 1954, hlm. 606-656.
- 3 Brian Harrison, *Holding The Fort: Melaka Under Two Flags 1795-1845*, Kuala Lumpur: MBRAS Monograph No. 14., 1985, hlm. 102, Nicholas Tarling, *The Fall of Imperial Britain in South-East Asia*, Singapore: Oxford University Press, 1993, hlm. 27, Victor Purcell, *Malaysia*, New York: Walker and Company, 1965, hlm. 68 dan CO 273/42, Draft of Declaration to be Signed by Admiral Harris, 8 June 1870.
- 4 CO 882/2, Government of India to Colonial Office, Without Date.
- 5 CO 882/2, Between the India Office and the Colonial Office, Without Date dan Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 38.

British bagi menyelamatkan [orang-]orang Melayu sendiri dan memberikan mereka rahmat keamanan dan keadilan, tetapi Gabenor tidak dapat menahan sabar kerana koloni yang ia bertanggungjawab menjaga itu, diganggu oleh penyalahadbiran negeri-negeri jirannya”.⁶

Pada ketika itu, menurut kaca mata British, keadaan di negeri Melayu teruk. Swettenham menggambarkan bahawa nyawa atau harta benda tidak mempunyai sebarang perlindungan kecuali kekuatan dan kemahuan tuan punya sendiri mempertahankan mereka, di mana rompakan atau pembunuhan, atau jenayah-jenayah yang lain tidak disiasat mahupun dihukum. Namun begitu, tafsiran dibuat oleh Swettenham kurang tepat kerana situasi di Tanah Melayu tidak seburuk seperti digambarkan. Pada Januari 1873, Earl of Kimberly menyatakan bahawa, “Sekiranya kita menambahmilikkan semua wilayah di Asia di mana terdapat penyalahadbiran, kita mesti berakhir dengan membahagikan Asia dengan Rusia, kerana saya tidak ada tempat di Asia yang diperintah dengan baiknya kecuali yang dibawah pemerintahan Inggeris atau Rusia dengan kekecualian yang sungguh sedikit”.⁷ Oleh yang demikian, faktor ini tidak memainkan peranan penting dalam keputusan Earl of Kimberly untuk melakukan dasar campur tangan.

Faktor kedua dikemukakan oleh Earl of Kimberly ialah beliau bimbang sekiranya pemimpin tempatan mempunyai konflik dalam pemerintahannya meminta bantuan daripada kuasa Eropah lain. Sekiranya British enggan campur tangan dalam memberi bantuan, kuasa Eropah lain akan menawarkan campur tangan terhadap mereka yang memerlukan. Campur tangan tersebut, sekaligus memperoleh kawalan politik tempatan. Keadaan ini dibuktikan bahawa pada Julai 1873, Seymour Clarke, Pengarah Syarikat Bijih Timah Selangor memberitahu Earl of Kimberly bahawa Tunku Kudin, Wizurai Selangor sedang mencari bantuan British bagi menamatkan Perang Klang (1866-1874). Sekiranya British enggan memberi bantuan, Tunku Kudin akan mendapatkan bantuan daripada kuasa Eropah lain iaitu Jerman. Earl of Kimberly menerangkan kepada William Ewart Gladstone, Perdana Menteri British mengenai kepentingan British untuk campur tangan dalam negeri-negeri Melayu. Selain itu, Earl of Kimberly menyatakan bahawa British tidak seharusnya mengeneipkan ancaman ini. Walaupun Jerman sebenarnya tidak mendatangkan ancaman kepada British, namun Earl of Kimberly tidak menerima sebarang kata-kata daripada raja Melayu bahawa Jerman akan diminta campur tangan sekiranya British enggan berbuat demikian.

Faktor ketiga dikemukakan oleh Earl of Kimberly ialah dari aspek ekonomi. Menurut Nicholas Tarling:

*Intervention, it was thought, might be needed, not simply because of the disturbances that the development of tin mining had helped to bring about in the west coast states of Perak, Selangor, and Sungei Ujong. It might also be needed because those disturbances could lead to the intervention of another power in a region the security of which affected that of the Straits Settlements and the route to China. In states, however, where there were no such disturbances and no such risk, there was no need for such intervention.*⁸

6 Frank Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: George Allen and Unwin, Ltd., 1948, hlm. 174.

7 CO 273/61, Minutes, 8 January 1873.

8 Nicholas Tarling, *The Fall of Imperial Britain in South-East Asia*, hlm. 72.

Earl of Kimberly berpendapat bahawa aspek ekonomi adalah faktor utama British berhasrat mengubah dasar kepada campur tangan terhadap negeri-negeri Melayu. Earl of Kimberly memberi kenyataan bahawa kebimbangan campur tangan terhadap kuasa asing bertujuan menegaskan kepada Gladstone tentang perlunya melindungi kepentingan British di negeri Melayu.⁹ Earl of Kimberly bimbang tentang laporan yang banyak mengenai perselisihan faham yang berlaku dalam politik tempatan. Perselisihan faham tersebut menjejaskan kepentingan ekonomi British di negeri-negeri Melayu. Pada Oktober dan November 1872, Gabenor Negeri-Negeri Selat, Harry St. George Ord dalam warkah rasminya menulis bahawa pembunuhan, rampasan dan pembakaran adalah perkara-perkara biasa setiap hari ekoran Perang Klang yang berlaku sejak 1866 sehingga 1874.¹⁰ Pada awal 1873, Tunku Kudin menawarkan satu konsesi yang besar dengan syarat-syarat menguntungkan kepada Syarikat Bijih Timah Selangor yang termasyhur di dalam negeri-negeri Melayu.¹¹ Konsesi tersebut merupakan sebahagian daripada bayaran hutang Tunku Kudin kepada pemiutang beliau iaitu W. H. M. Read dan Davidson. Dalam akhir tahun 1850-an, pengusaha lombong Cina seperti Hiu Siew, Lin Ngim Kong dan Yap Ah Loy sudah menerokai kawasan perlombongan bijih timah di Ampang dan Kanching, Selangor. Di samping itu, mereka adalah Kapitan Cina di mukim Kuala Lumpur. Dalam perkembangan lain, ketika Raja Abdullah sebagai Orang Besar Daerah Klang, Tan Kim Cheng dan Read memajak hasil ladang di Klang pada 1866 dan dianggarkan berjumlah sekurang-kurangnya sebanyak satu juta ringgit pada 1868. Di samping itu, orang persendirian, syarikat dan agensi perdagangan seperti Paterson, Simons dan Rakan, dan W. Mansfield dan Rakan-rakan mempunyai kepentingan masing-masing di negeri Melayu. Oleh yang demikian, Pejabat Tanah Jajahan London menyedari mengenai kepentingan British di negeri Melayu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Lebih-lebih lagi, British mempunyai kepentingan dalam bidang perlombongan bijih timah kerana negeri Melayu merupakan pusat pengeluaran bijih timah terbesar.

Pada Julai 1873, Earl of Kimberly memberi kenyataan dengan merujuk kepada kekacauan yang berlaku di Larut iaitu, "Saya rasa kita mesti berusaha bagi menamatkan kekacauan-kekacauan ini. Kestabilan politik adalah satu syarat yang wajib bagi pelaburan kerana ia mengurangkan bahaya-bahaya spekulasi".¹² Walaupun begitu, Earl of Kimberly tidak bertindak mengubah dasar British tersebut kerana Ord masih menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat. Ini disebabkan Pegawai Tanah Jajahan merasakan bahawa Ord tidak sesuai untuk melaksanakan dasar campur tangan itu secara bijak. Pada September 1873, Clarke dilantik sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat yang baharu, dan diberikan arahan untuk campur tangan dalam politik tempatan.¹³ Clarke menyatakan bahawa:

I must ask you, gentlement to bear with me a little time, and give me your attention and your patience, because the question which I am going to submit to you is one, I feel, that we must approach with very great care, and you must review not only

9 J. M. Gullick, *Malaya*, London: Ernest Benn Limited, 1964, hlm. 30.

10 CO 882/2/6, Governor Sir H. St. George Ord to the Earl of Kimberly, 24 October 1872, dan CO 882/2/10, Governor Sir H. St. George Ord to the Earl of Kimberly, 6 November 1872.

11 CO 273/78, Salangore Tin Mining Co., Without Date.

12 CO 273/74, Minutes, 7 July 1873.

13 CO 882/3/4, Major-General Sir Harry Ord, C. B., to the Earl of Carnarvon, 18 November 1874.

*what has been done-what has been the policy of the past-but what steps we ourselves should take for the future...*¹⁴

Pejabat Tanah Jajahan London menganggap Clarke sebagai seorang yang bijaksana dan berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu tugas.¹⁵ Walau bagaimanapun, pada 4 November 1874, Clarke membuat keputusan bertindak lebih jauh daripada arahan yang sebenar. Ini disebabkan Clarke menyatakan bahawa, “Melaporkan sahaja nampaknya tidak memadai bagi mengatasi keadaan yang sungguh-sungguh memerlukan tindakan segera itu. Adalah perlu untuk bertindak dahulu dan membuat laporan kemudiannya”.¹⁶ Selepas menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat, Clarke melaksanakan gerakan British yang pertama terhadap negeri-negeri Melayu.¹⁷ Rentetan berjaya memainkan peranan dalam campur tangan terhadap Perak (Perang Larut (1861-1874) dan Perselisihan Faham Takhta Kerajaan Perak (1871-1874), beliau menjalankan dasar campur tangan terhadap Selangor melalui Perang Klang dan masalah Perlanungan (1873-1874) di persisiran pantai Selangor, kemudian Sungai Ujong masalah dihadapi oleh Dato’ Kelana Sungai Ujong. Earl of Kimberly menyatakan bahawa:

*Her Majesty’s Government would view with satisfaction that the intercourse between the Straits Government and the Malay States should assume a character of more intimate friendship, but no measures involving a change in the relations of those States to the British Government, beyond what is already sanctioned, should be taken without instructions from home; except for temporary purposes in case of urgent necessity....The general policy which should be pursued is to avoid annexation, to encourage the Native Rulers to govern well and improve their territories, and only interfere when mis-government reaches such a point as seriously to endanger the peace and the prosperity of the Peninsula.*¹⁸

Berkuat kuasa Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 di Perak, British campur tangan dalam pentadbiran Selangor pada Oktober 1874 dengan meletakkan Residen British.¹⁹ Ekoran itu, Davidson, Residen British Selangor yang pertama ditempatkan di daerah Klang dan Swettenham, Penolong Residen British Selangor ditempatkan di daerah Langat.²⁰ Berikut adalah surat Pemasyhuran Selangor 1875 oleh Sultan Abdul Samad berbunyi seperti berikut:

Oleh Tuan Yang Terutama Kolonel Sir Andrew Clarke, R. E., C. B., K. C. M. G., Gabenor dan Panglima Besar Negeri-negeri Selat dan Laksamana Madya

14 CO 273/76/13020, Dealing with the Chief of the Malay States, 15 September 1874.

15 CO 882/3/4/3, Colonial Office to Major General Sir Harry Ord, C. B., 27 November 1874.

16 CO 882/3/4/6/6, Straits Settlements.-Legislative Council. Singapore, September 15, 1874.

17 SP 12/128, Frank Athelstane Swettenham, A General Sketch of the Leading Facts Connected with the History of the Colony from the Earliest Periods, Bringing Out All Points Which Have Become Political Questions (Imperial or Colonial).

18 Eunice Thio, *British Policy in The Malay Peninsula 1880-1910*, Singapore: University of Malaya Press, hlm. 17-18.

19 SP 12, Frank Athelstane Swettenham, Memorandum on the Financial Conditions of the Native States of Perak, Salangore and Sungei Ujong, Frank A. Swettenham, Asst. Colonial Secretary for the Native States, 8 February 1877 dan CO 273/94, Memorandum Relation to the Proposed Retirement and Pension of Tunku Dia Oodin, Viceroy of Salangore.

20 CO 273/75, Government House, Singapore, to the Earl of Kimberly, 28 January 1874 dan CO 273/76, Affairs in Salangore, 27 June 1874.

Negeri-negeri itu. Ketahuilah oleh sekalian manusia bahawa Sultan Abdul Samad, Pemerintah Selangor, Klang, Langat, Bernam dan Lukut, serta wilayah tanggungannya dengan hasrat mewujudkan Kerajaan yang lebih baik di negeri Baginda, telah meminta pada kami seorang Pegawai Inggeris bagi membantu Baginda membuka dan memerintah negeri Baginda, dan atas permintaan Baginda itu, kami telah menghantar dua orang pegawai, iaitu Tuan Davidson bagi menetap di Klang dan Tuan Swettenham bagi menetap di Langat, untuk membantu menjalankan kerja-kerja ini, khususnya melindungi nyawa dan harta benda penduduk dan pedagang di Selangor dan Wilayah-wilayahnya. Maka dengan yang demikian, Sultan Selangor telah mengeluarkan surat Pemasyhuran bertarikh 21 hari bulan Syaban tahun Hijriah 1291 Jumaat 2 Oktober 1874], yang mengundang para saudagar dan orang lain mencari rezeki di negeri Baginda, dan kami menyokong Pemasyhuran itu sepenuhnya-penuhnya dan pegawai kami yang tersebut di atas akan membantu semua orang yang baik-baik yang pergi ke Selangor dan wilayah-wilayahnya, sama ada untuk menetap atau berdagang di sana.²¹

Berdasarkan arahan London, residen berperanan sebagai penasihat sultan kecuali dalam hal ehwal adat istiadat tempatan dan agama islam.²² Lord Carnarvon menyatakan bahawa:

*... the maintenance of peace and law, the initiation of a sound system of taxation, with the consequent development of the general resources of the country and the supervision of the collection of the revenue so as to ensure the receipt of funds necessary to carry out the principal engagement of the government and to pay for the cost of the British Officers and whatever establishments may be found to support them.*²³

Selain itu, menurut polisi Gabenor Negeri-Negeri Selat di Perak pada 10 Februari 1876 menyatakan bahawa:

*True, the Resident, as a matter of course, always would have advised the ruler that it was his duty to preserve peace and order in his state, to maintain a pure dispensation of justice, regardless of the rank of criminals, to place the collection of revenue on a satisfactory footing, and generally to secure good administration.*²⁴

Setelah Selangor menjadi jajahan British, pentadbiran sebelum ini diamalkan semakin tergugat. Ini disebabkan sultan masih mempunyai kuasa tetapi hanya berkuasa dalam hal ehwal adat istiadat dan agama. Walaupun begitu, kuasa sultan dapat diputuskan secara daulat melalui keputusan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang dibentuk pada 1877. Pelaksanaan

21 Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, *Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, hlm. 38.

22 CO 882/4/9/2/2, J. Douglas, Colonial Secretary, to Her Britannic Majesty's Residents, 17 May 1878 dan CO 273/94, Colonial Secretary to H. E. M. Resident, 17 May 1878.

23 CO 273/94, Colonial Secretary Office to H. E. M's Resident Perak and Selangor, 19 August 1878.

24 CO 273/83, Governor's Policy in Perak 10 February 1876.

sistem residen di Selangor memberi kesan positif kepada Sultan Abdul Samad kerana ketika Clarke mengadakan rundingan dengan baginda berjanji bahawa British akan membantu membangunkan negeri Selangor. Syarat dikenakan oleh British kepada Sultan Abdul Samad sangat bertepatan dengan keinginan baginda yang mahukan sebuah negeri yang maju dan aman damai, dan baginda boleh diiktiraf sebagai “Bapa Pemodenan Selangor” seperti Sultan Abu Bakar, Sultan Johor. Menurut Laporan Tahunan Selangor 1888 menyatakan bahawa:

General Sir andrew Clarke came to Kwala Lumpur in March, and visited the Sultan at Jugra. It was gratifying to be able to shew to Sir andrew Clarke some of the results of the policy which he initiated in 1874, whilst Governor of the Straits Settlements, and the Sultan expressed great pleasure at again meeting the friend to whom he believes he, in a large measure, owes the present prosperity of Selangor and his own life of otium cum dignitate. Their Royal Highnesses the Prince and Princess HENRY of Bourbon also paid a short visit to Selangor early in 1888.²⁵

Residen British dan Pentadbiran Selangor

Senarai di bawah ini adalah nama Residen British Selangor daripada fail B/SUK MISC 6778/92, *S&S Directory-Asks to be Informed of the Names of the Gentlement Who Have Filled the Post of British Resident Selangor Since 1874 With Dates:*²⁶

1. James Guthrie Davidson (1874-1876)²⁷
2. Kapten William Bloomfield Douglas (1876-1882)²⁸
3. Frank Athelstane Swettenham (1882-1889)²⁹

25 CO 439/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1888.

26 B/SUK MISC 6778/92, S&S Directory-Asks to be Informed of the Names of the Gentlement who have Filled the post of British Resident Selangor since 1874 with Dates.

27 James Guthrie Davidson merupakan Residen British pertama di Selangor. Beliau dilantik menjadi Residen British pada 1 Oktober 1874 berkuat kuasa 20 Januari 1875. Lihat dalam fail B/SUK 3/75 Re-Appointment of Mr. Davidson as H. M. S. Resident Selangor.

28 Kapten William Bloomfield Douglas merupakan Residen British Selangor kedua. Beliau dilahirkan pada 25 September 1822 di Cardigan, Wales. Beliau bekerja dengan saudaranya, Raja James Brooke di Sarawak dan berkahwin baik dengan Henry Keppel. Mereka pernah bersama menentang lanun Dayak. Beliau juga merupakan seorang artis yang berpotensi dan pernah membuat ilustrasi log kapal. Beliau datang ke Singapura pada 1874 untuk menjadi majistret. Di samping itu, beliau menjadi pemangku residen (1876-1877) dan Residen British (1877-1882) di Selangor. Beliau meninggal pada 5 Mac 1905 di Halifax Nova Scotia, Kanada. Lihat dalam J. M. Gullick, *Ruler and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, Oxford: Oxford University Press, 1992, hlm. 364-365.

29 Frank Athelstane Swettenham dilahirkan pada 28 Mac 1850 di Belper, Derbyshire, Britain. Pada 1871, Swettenham dihantar ke Singapura untuk menjadi Kadet Perkhidmatan Negeri-Negeri Selat. Swettenham mempelajari bahasa dan budaya Melayu sejak 1870-an lagi. Beliau pernah berkhidmat dalam Operasi Perjanjian Pangkor pada 1874. Swettenham menjadi Timbalan Pesuruhjaya Perak dari 1875-1876. Seterusnya menjadi Pemangku Residen British Selangor pada 1882, Residen British Selangor pada 1883 dan Residen British Perak dari 1889-1895. Beliau kemudiannya menjadi Residen Jeneral Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dari 1895-1901. Beliau turut menjawat jawatan sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dari 1901-1904. Pada 1909, Swettenham menjadi Pengerusi Suruhanjaya Diraja Mauritius. Beliau turut menyertai *Official Press Bureau* dari 1915-1919. Swettenham meninggal dunia pada 11 Jun 1946. Lihat dalam H. S. Barlow, *Swettenham*, Kuala Lumpur: Southdene Sdn. Bhd., 1995, hlm. 1-730.

4. John Pickersgill Rodger (1888-1889)³⁰
5. William Edward Maxwell (1889-1892)³¹
6. William Hood Treacher (1892-1895)³²

James Guthrie Davidson

Selangor merupakan negeri Melayu terawal mendapat khidmat Residen British.³³ Pada Oktober 1874, Residen British pertama di Selangor ditempatkan berikutan Perang Klang dan Perlanungan selesai. Davidson dilantik menjadi residen di Klang dan dikuatkuasakan pada 20 Januari 1875.³⁴ Menurut surat Lord Stanley of Alderly kepada Davidson setelah menjadi Residen British Selangor menyatakan bahawa:

His Excellency desires that you will proceed at once to Klang, where you will establish yourself, at first making such arrangement for your personal accommodation as the nature of the case will admit of, and proceeding, as soon as possible, to organize a Resident's guard and police of such force as you may think proper. His Excellency desires that you will at once publish notices far and wide...recalling all fugitives, promising them protection, and taking special steps for having such of them as possessed property restored to the possession of that property, and providing them all with waste land to cultivate, if they wish to cultivate. The system of collectiny revenue on imports...should occupy your early attention... you will send in a regular monthly report of progress, and a monthly statement

-
- 30 John Pickersgill Rodger dilahirkan pada 12 Februari 1851 di Marylebone, London. Beliau meninggal dunia pada 19 September 1910 di Mayfair, Westminster, London. Beliau belajar di Kolej Eton dan Universiti Oxford. Beliau dipanggil ke *English Bar* pada 1877. Beliau menjadi Pemangku Residen British Selangor pada 1884-1885. Beliau menjadi Residen British Selangor pada 1888-1889 dan 1896-1902. Beliau menjadi Residen British pertama di Pahang pada 1888-1896. Beliau juga pernah menjadi Gabenor British di Gold Coast pada 3 Mac 1904 sehingga 1 September 1910.
 - 31 William Edward Maxwell anak Peter Benson Maxwell iaitu Ketua Hakim pertama di Negeri-Negeri Selat. Beliau memulakan kerjayanya sebagai kerani di syarikat milik bapanya di Singapura. Pada 1869, beliau dilantik bertugas dalam Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Selat. Semasa di Province Wellesley, beliau terlibat dalam Perang Perak 1875-1876. Kemudiannya, beliau dilantik sebagai Penolong Residen British Perak. Pada 1879, beliau merangka pentadbiran tanah di Perak. Undang-Undang Tanah Perak 1879 merupakan model pentadbiran tanah di Selangor semasa Kapten Douglas dan Dominic D. Daly. Sekembalinya dari Selatan Australia, beliau dilantik ke jawatan Pesuruhjaya Tanah Negeri-Negeri Selat. Semasa memegang jawatan ini, beliau memperkenalkan sistem Torrens dalam pentadbiran tanah di Negeri-Negeri Selat yang kemudiannya diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu Lindungan British. Sistem ini dipraktikkan dengan jayanya di Selatan Australia. Pada 1889, beliau menggantikan Swettenham sebagai Residen British Selangor sehingga 1892. Lihat dalam *Straits Settlement Gazette*, Friday 25th Mac 1870, *Straits Settlement Gazette*, Friday 1st April 1879 dan *New York Times*, Sir W. E. Maxwell Dies at the Sea, He Was Governor and Commander in Chief on the Gold Coast, 16 December 1897.
 - 32 William Hood Treacher dilahirkan pada 1 Disember 1849. Beliau meninggal pada 3 Mei 1919. Beliau merupakan anak keempat Joseph Skipper Treacher dengan Pauline Louise Pierret. Beliau menjadi Residen British Selangor pada 1892-1895.
 - 33 CO 882/4/13, Memorandum Showing the System Under Which British Residents Have Been Appointed and Act in the Malay States, SP 7/11, S. P. H. T. Pagden, The Administration of Malaya by Sir George Maxwell dan SP 12/116, Frank Athelstane Swettenham, British Malaya, The Administration of Malaya by Sir George Maxwell, April 1943.
 - 34 B/SUK 3/75 Re-Appointment of Mr. Davidson as H. M. S. Resident Selangor.

showing the revenue and expenses of the country, which you will take under your special charge, being assisted by such officer, clerks, and c. As may be sanctioned by His Excellency, on your representation after arrival at Klang. A steam launch will be provided for you at once, to enable you to visit the several places of trade and population in Salangore, and His Excellency desires that you will take an early opportunity of seeing the Sultan of Salangore at Langat, and that you will enter upon such relations with His Highness as will enable you, in gaining his confidence, to be real service in securing the peace and prosperity of his country.³⁵

Sebelum Davidson menjadi residen, beliau merupakan pemodal, peguam dan juga penasihat undang-undang kepada Tunku Kudin.³⁶ Tunku Kudin mempunyai banyak hutang akibat Perang Klang. Oleh yang demikian, Tunku Kudin bekerjasama dengan Davidson demi memajukan Selangor dan mengutip hasil daripada kerjasama tersebut untuk menyelesaikan hutang beliau termasuk Perang Klang. Ketika menjadi residen, Davidson pandai mengambil hati Sultan Abdul Samad, Tunku Kudin dan kerabat raja Selangor. Ekoran daripada perwatakan tersebut, beliau berjaya mewujudkan hubungan akrab dan kerjasama yang erat di antara mereka sehingga menyebabkan bandar Klang menjadi maju. Sultan Abdul Samad termasuk kerabat raja Selangor menyenangi dengan perwatakan Davidson. Selain itu, Davidson boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu.³⁷ Pada Oktober 1874, mukim Klang dijadikan pusat pentadbiran negeri Selangor dan sebagai pusat perdagangan yang aktif dalam perusahaan perlombongan bijih timah. Davidson bersama-sama Tunku Kudin mentadbir Selangor sehingga 1876. Sepanjang tempoh pentadbiran Davidson, Selangor banyak membangun dan Sultan Abdul Samad berasa suka cita dengan pembangunan yang dilakukan oleh British.

Davidson menjadikan mukim Klang sebagai pusat pentadbiran British pada Oktober 1874 dan beroperasi di Gedung Raja Abdullah.³⁸ Ekoran daripada keadaan tersebut, Davidson menumpukan pembangunan dalam daerah Klang termasuk daerah-daerah lain seperti Bernam, Selangor dan Langat. Pembangunan yang dilaksanakan oleh Davidson adalah mengelolakan pengutipan hasil, penubuhan pasukan polis dan membina jalan-jalan untuk kemudahan di Selangor. Selain itu, Davidson melantik seorang pemungut hasil tanah berbangsa Eropah di Bernam, Selangor dan Langat, bertujuan mentadbir, mengurus dan mengutip cukai di kawasan tadbir masing-masing.

Tugas-tugas lain dilaksanakan oleh Davidson ialah memberhentikan perbuatan-perbuatan salah yang dilakukan oleh panglima-panglima Pahang yang masih berada di Klang selepas Perang Klang selesai. Walaupun Perang Klang selesai pada 1874, namun Raja Mahadi dituduh oleh British bahawa melakukan perompakan dan membakar kampung-kampung. Berikutan dakwaan British tersebut, Tun Abu Bakar, Temenggong Johor diarahkan untuk menangkap dan menyerahkan Raja Mahadi kepada British.³⁹ Selain itu, Davidson memujuk pelarian-pelarian ketika Perang Klang dahulu, kembali pulang ke kawasan masing-masing, bertujuan meningkatkan populasi dan menstabilkan ekonomi Selangor. Dalam pada itu, Kuala

35 CO 273/83, Governor's Policy in Perak, 10 February 1876.

36 Emily Sadka, *The Malay Protected States, 1874-1895*, hlm. 44.

37 CO 273/83, Appt. in Native States, 19 April 1876.

38 CO 882/4/10, Mr. Swettenham's Tour Through the Protected Native States in the Autumn of 1878 dan Lam Seng Fatt, *Thrills and Treasure of Historical Landmarks*, London: Marshall Caverndish, 2008, hlm. 23.

39 CO 882/3/5, Governor Sir W. Jervois to the Earl of Carnarvon, 12 November 1875.

Lumpur diletakkan di bawah kawalan Dato' Mohamed Tahir sebagai Penghulu Mukim Kuala Lumpur dan Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina Mukim Kuala Lumpur membangunkan semula mukim Kuala Lumpur daripada keruntuhan akibat Perang Klang. Selain itu, pada 1875, Davidson meminta Dato' Mohamed Tahir berjumpa dengan beliau terlebih dahulu mengenai hal pentadbiran Selangor khususnya daerah Klang.⁴⁰ Ini disebabkan Dato' Mohamed Tahir sebelum kehadiran British, beliau memainkan peranan sebagai Penghulu Mukim Kuala Lumpur merangkap Dato' Dagang Daerah Klang.

Di samping itu, Davidson mempunyai pembantu yang bernama Swettenham, dilantik menjadi penolong residen di Selangor pada 1874.⁴¹ Swettenham ditempatkan di mukim Bandar, daerah Langat bersama-sama Sultan Abdul Samad dan sentiasa bersama dengan baginda sepanjang memegang jawatan tersebut. Ekoran itu, perhubungan di antara mereka menjadi akrab dan Sultan Abdul Samad berasa suka cita dengan perwatakan Swettenham. Sultan Abdul Samad senang bersemayam dengan aman di Langat sementara membenarkan Tunku Kudin bersama-sama Davidson menjalankan pentadbiran di Klang. Tugas Swettenham di Langat adalah berbentuk diplomatik, mewujudkan hubungan baik dengan para raja, pembesar dan rakyat jelata di Selangor. Ekoran daripada tugas yang dijalankan, Swettenham berjaya mencapai perdamaian antara Tunku Kudin dengan kerabat raja Selangor. Ini disebabkan Tunku Kudin merupakan kerabat raja Kedah kurang disukai dan ditentang oleh kaum kerabat raja Selangor kerana didapati beliau mempunyai tujuan yang boleh memudaratkan kedudukan kerabat raja Selangor.

Ketika perjuangan masyarakat Melayu Perak menentang Birch, Davidson dan Swettenham dihantar ke Perak untuk menjalankan tugas-tugas khas. Bagi mengendalikan Selangor, Kapten Douglas dilantik sebagai Pemangku Residen dalam Jun 1876.⁴² Tunku Kudin sendiri pulang ke Kedah pada 1877 kerana kuasanya sebagai pemerintah semakin lama semakin kurang akibat perselisihan faham dengan Kapten Douglas. Ketika perjuangan masyarakat Melayu di Perak berlaku, terdapat khabar angin menyatakan bahawa Raja Mahadi mungkin akan menimbulkan kekacauan di Selangor. Namun hakikatnya, keseluruhan negeri Selangor berada dalam keadaan tenteram dan menerima penguasaan British yang tidak dapat dielakkan. Dalam beberapa tahun, situasi pentadbiran di Selangor turut berubah apabila Selangor tidak lagi berupaya menghalang kuasa kewibawaan residen dalam melaksanakan pentadbiran. Ini terbukti dengan kenyataan yang berbunyi:

*So far as the Residential system was concerned, the most important provision in the Pangkor Engagement were clause Six and clause Ten. By the former the Sultan was to receive a British Resident whose advice must be asked for and acted upon in all matters other than concerning Islam and Malay Custom; by the latter, the collection and control of all revenues and the general administration of the country were to be regulated under the advice of the Resident.*⁴³

40 B/SUK MISC. 121/75, Report the Return of Dato Dagang and Advised that He Leaves for Klang to Report to You J. G. Davidson What He Has Seen-Sends Also 3 Prisoners Accused of Attempting to Administer Something Obnoxious to Certain Chinese.

41 CO 273/76, British Resident in Selangor, 7 September 1874.

42 B/SUK CS 131/75, Re-Appointment of Captain Bloomfield Douglas as Assistant Resident Selangor.

43 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kesultanan", *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 333.

Kapten William Bloomfield Douglas

Kapten Douglas merupakan Residen British Selangor kedua secara rasmi pada 1877. Sebelum menjadi Residen British Selangor, beliau bertugas sebagai Pemangku Residen British Selangor pada 17 Mac 1876.⁴⁴ Ini disebabkan Davidson dan Swettenham ditugaskan ke Perak untuk menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan pembunuhan Birch di Perak pada 1875. Setelah Kapten Douglas menjadi Residen British, pusat pentadbiran British berpindah dari mukim Klang ke mukim Kuala Lumpur pada 1880. Ini disebabkan Kuala Lumpur merupakan sebuah bandar yang maju dan kaya dengan perlombongan bijih timah.⁴⁵ Sebagai langkah awal untuk meletakkan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran British, pada akhir 1879, Kapten Douglas menempatkan Dominic D. Daly di Kuala Lumpur. Pada Mac 1880, Kapten Douglas dan pegawai-pegawai British berpindah ke Kuala Lumpur dan menjadikan sebagai pusat pentadbiran British yang baharu.⁴⁶ Ekoran daripada pemindahan tersebut, Kapten Douglas menubuhkan pejabat-pejabat dan rumah-rumah untuk pegawai British di sebelah barat sungai yang terpisah dengan kawasan penduduk Melayu dan Cina. Pejabat Polis juga ditubuhkan di atas bukit yang berhampiran dengan kawasan pejabat-pejabat dan rumah-rumah mereka. Pemilihan lokasi tersebut sebagai pusat pentadbiran dan kediaman pegawai-pegawai British adalah berdasarkan keselamatan.

Selepas Kapten Douglas dilantik menjadi Residen British Selangor, kuasa Residen menjadi lebih kuat dalam pentadbiran di Selangor. Ini disebabkan Kapten Douglas menyalahgunakan kuasanya sebagai residen.⁴⁷ Earl of Carnarvon menyatakan bahawa:

*Are the maintenance of peace and law, the initiation of a sound system of taxation, with the consequent development of the general resources of the country and the supervision of the collection of the revenue so as to ensure the receipt of funds necessary to carry out the principal engagement of the government and to pay for the cost of the British Officers and whatever establishments may be found to support them.*⁴⁸

Kapten Douglas membalas kenyataan Earl of Carnarvon bahawa:

It is sometimes difficult to carry out these most important and very comprehensive duties, never the most guarded and cautious manner without conveying the idea that the officer in doing so is acting on his own responsibility. The pliant, easy-going, trouble-avoiding nature of the Sultan Selangor renders him at all times careless in assuming the reins of government and he too willingly places his power in the hands of the officer accredited to him but I must, in justice to myself, assure His

44 CO 273/83, Appt. of the Mr. Douglas to 2nd Magistrate, Singapore, 22 March 1876.

45 SP 12, Frank Athelstane Swettenham, Memorandum on the Financial Conditions of the Native States of Perak, Salangore and Sungei Ujong, Frank A. Swettenham, Asst. Colonial Secretary for the Native States, 8 February 1877.

46 Nik Anuar Mahmud, "Dalam Lipatan Sejarah, 1857-1974", *Titian Warna: Sejarah Pembangunan dan Perubahan Citra Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Ultimate Print Sdn. Bhd., 1995, hlm. 7.

47 A. Talib B. Hj. Ahmad, *Perang Saudara di Selangor, 1868-1873*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1986, hlm. 90-91.

48 CO 882/4/9, Colonial Secretary to Her Britannic Majesty's Residents, 28 May 1878.

Excellency that I have ever carried out the advising policy to the best of my ability, and I think if reference was made to the Sultan he would readily bear testimony to my unvarying desire to consult him on all points no coming within the departmental routine of the different establishment. My aim has been to give security to life and property; to prevent the oppression of petty rajahs and their followers; to reduce the heavy duties and attract a population to develop the resources of the country; to reduce the expenditure, and pay off the liabilities of the state; to administer justice impartially and ensure peace and tranquillity in those districts remote from the seat of government.⁴⁹

Ini dapat dibuktikan bahawa Kapten Douglas langsung tidak mempedulikan Tunku Kudin dan terus membuat perhubungan dengan Sultan Abdul Samad selaku pentadbir tertinggi di Selangor. Misalnya, pada 1882, Sultan Abdul Samad sendiri telah mengadakan perjanjian dengan W. V. Drummond untuk mendapatkan tanah perlombongan bijih timah di daerah-daerah Selangor.⁵⁰ Sultan Abdul Samad berkenan dengan perjanjian tersebut dan membenarkan Drummond bersama-sama Kapten Douglas menguruskan perlombongan bijih timah secara baik. Dalam jangka waktu sepuluh tahun pertama pentadbiran British di Selangor, Sultan Abdul Samad kurang memainkan peranannya, segala-galanya dijalankan oleh Tunku Kudin iaitu selaku wakilnya dan ketua mentadbir negeri Selangor dari 1874-1877, seterusnya Raja Musa dari 1877-1884.⁵¹ Ini disebabkan Tunku Kudin merupakan wizurai serta orang kuat Sultan Abdul Samad dan Raja Musa pula, Raja Muda Selangor. Ini dapat dibuktikan bahawa Tunku Kudin dilantik sebagai presiden apabila Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ditubuhkan pada 1877, bukannya Sultan Abdul Samad. Ekoran itu, Tunku Kudin mengambil keputusan meletak jawatan sebagai Wizurai Selangor dan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan Sultan Abdul Samad berkenan melantik Raja Musa sebagai penggantinya pada 1877.⁵² Pemimpin-pemimpin Melayu di Selangor kurang berasa puas hati akan tingkah laku dan sikap Kapten Douglas yang bertindak terburu-buru dan kurang adil.⁵³ Kenyataan ini mengukuhkan lagi perkara tersebut bahawa, “Kira-kira dalam tahun 1878, Residen Douglas telah mengangkat menantunya seorang bangsa Australia bernama Dominic D. Daly menjadi ketua dalam Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Ukur di Klang. Kemudian Daly telah diberi jawatan menjaga Jabatan Tanah dan Lombong di Selangor”.⁵⁴ Ekoran pentadbiran Kapten Douglas, Tunku Kudin berhenti dalam setiap jawatannya dan pulang ke Kedah. Seterusnya, Tunku Kudin menetap di Pulau Pinang dan berulang alik ke mukim Klang sehingga meninggal dunia pada 25 Mei 1909.

Ketika Kapten Douglas masih sebagai Pemangku Residen British Selangor, beliau memberi cadangan bahawa setiap kerabat raja Selangor perlu memberitahu Sultan Selangor

49 CO 882/4/9, Colonial Secretary to Her Britannic Majesty's Residents, 28 May 1878.

50 B/SUK RESIDENT 345/82, Fair Copies of Agreement Between H. H. the Sultan & Mr. W. V. Drummond for Concession to the Latter of the Mining Land.

51 B/SUK MISC 731/75, H. H. the Sultan of Selangor, Transmits Copy of A Letter Addressed to Tunku Dhiauddin Regarding the Sale of Some Tin Belonging to H. H., *Straits Settlement Gazette*, Friday, 22nd April 1870 dan *Straits Settlement Gazette*, Friday, 29 April 1870.

52 B/SUK CS 205/78, Relative to Raja Musah's Appointment in Klang as Resident Councillor.

53 A. Talib B. Hj. Ahmad, *Perang Saudara di Selangor, 1868-1873*, hlm. 91.

54 Haji Abdul Buyong, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 144 dan fail ini B/SUK Resident 191/78, Tuan Daly sebagai “*Superintendent Public Works*” mengukuhkan lagi kenyataan tersebut.

terlebih dahulu sekiranya mereka berhasrat keluar menjalankan aktiviti di luar Selangor. Cadangan tersebut diterima, menurut surat balas yang ditulis oleh Swettenham kepada Kapten Douglas menyatakan bahawa:

*As regards the question of Salangore Chiefs visiting Singapore without just giving notice of their intention to do so, I am directed to inform you that His Excellency agrees with the views expressed in your letter on this subject, and consider its would be advisable that Rajahs should obtain the Sultan's leave before quitting their districts. Salangore Rajahs will in future be discouraged from visiting Singapore with the intention of submitting matters for the consideration of Government, without in the first instance, having referred to the Sultan, Viceroy or Resident.*⁵⁵

Ketika menjadi Residen, Kapten Douglas diarahkan menangkap Raja Berkat, Tengku Panglima Besar Selangor, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan Penghulu Mukim Kanchong.⁵⁶ L. E. Neubronner, Pemungut Cukai dan Majistat Daerah Bernam menangkap Raja Berkat di Bernam pada 1878. Raja Berkat ditangkap ekoran dituduh sebahagian daripada orang-orang Raja Mahadi.⁵⁷ Namun begitu, atas arahan Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Sultan Abdul Samad, Raja Berkat dibebaskan, dibenarkan menduduki kerusi sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, dan tidak dibenarkan menyentuh hal ehwal peribadi yang dilaksanakan oleh tokoh ini.

Demi membangunkan pertanian di Selangor, Kapten Douglas berbincang secara baik dengan Sultan Abdul Samad mengenai penanaman tembakau pada 1877.⁵⁸ Bagi menjaga hubungan baik dengan Residen British Selangor, Sultan Abdul Samad memberi cincin berlian kepada isteri Kapten Douglas pada 1879.⁵⁹ Untuk menjaga hubungan antara British dengan Selangor, British menganugerahkan pingat kepada Sultan Abdul Samad pada 1881 dan baginda berasa sukacita dengan pemberian tersebut.⁶⁰ Selain itu, Kapten Douglas mengarahkan Harry Charles Syers dan sepasukan polis untuk mengiringi Sultan Abdul Samad melawat beberapa daerah di Selangor, bertujuan menjaga keselamatan dan protokol kesultanan Selangor.⁶¹

Frank Athelstane Swettenham

Ketika Swettenham menjadi Pemangku Residen British Selangor pada Julai 1882, kemudian Residen British Selangor secara rasmi pada 1 Januari 1883, beliau menjalankan pentadbiran dengan baik dan teratur serta banyak perkembangan berlaku di Selangor. Perkara utama dilaksanakan oleh Swettenham ialah menyeragamkan pentadbiran daerah daripada tiga kepada enam daerah merangkumi Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor,

55 B/SUK CS 36/77, Selangor Raja's to Obtain Permission Before Leaving Their Districts.

56 CO 882/4/9, Governor Sir W. C. F. Robinson, K. C. M. G., to the Right Hon. Sir M. E. Hicks Beach, Bart, 13 June 1878.

57 CO 882/4/9, Her Britannic Majesty's Resident to Colonial Secretary, Without Date.

58 B/SUK 388/77, States that He Has Had a Conversation with His Highness in re Tobacco Planting.

59 B/SUK MISC 201/79, to Mrs. Douglas with Ring.

60 B/SUK 243/81, Correspondence About the Award Made to H. H. the Sultan of Selangor.

61 B/SUK RESIDENT 174/79, Reports Visit of His Highness the Sultan.

Hulu Langat dan Kuala Langat pada 1883. Selain itu, Swettenham mengukuhkan institusi penghulu pada tahun sama. Swettenham turut membentuk sebuah pelabuhan dinamakan sebagai Port Swettenham sempena nama beliau pada tahun 1893, disiapkan dan dirasmikan pada 15 September 1901.⁶² Sebelum Swettenham menjadi Residen British Selangor, beliau pernah dilantik menjadi Penolong Residen British Selangor merangkap Penasihat Sultan Abdul Samad pada 1874.⁶³ Sultan Abdul Samad berasa suka cita dengan pelantikan Swettenham sebagai penasihat baginda yang menyatakan bahawa:

Bahawa ini surat al-ikhlas-wa-tohfatu'l-ajnas yang di-iringi dengan beberapa hormat mulia yang tiada ber-kesudahan dari-pada beta Sir Andrew Clarke, K. C. M. G., C. B. Governor dan Commander-in-Chief lagi Vice-Admiral yang memerintahkan tiga negeri ia-itu Singapura, Pulau Pinang dan Melaka.

Maka barang di-wasalkan oleh Tuhan seru 'Alam sakalian apa-lah jua kira-nya datang ka-hadapan majlis sahabat beta Sultan Abdul Samad yang ampunya perintah negeri Selangor serta jajahan-nya.

Wabaudahu ahwal maka ada-lah beta maalomkan ka-pada sahabat beta deri fasal pegawai beta Tuan Swettenham yang menjadi Assistant Resident di-negeri Selangor itu ada-nya. Maka dengan sebab permintaan sahabat beta jadi beta sudah hantar Tuan Swettenham itu menjadi wakil beta ka-pada sahabat beta. Maka Tuan Swettenham itu boleh tolong beri ikhtiar ka-pada sahabat beta supaya sahabat beta boleh memerintahkan negeri sahabat beta itu dengan 'adil dan negeri sahabat beta pun boleh menjadi ramai dan kaya dan orang isi negeri sahabat beta pun boleh dudok dengan selamat sentosa ada-nya. Maka sekarang beta beri surat ini ka-pada Tuan Swettenham akan menjadi tanda keperchayaan dan harapan beta ka-pada-nya. Maka beta minta sahabat beta boleh sebut di-bawah surat ini yang sahabat beta ada suka menerima Tuan Swettenham itu menjadi Assistant Resident di-dalam negeri Selangor. Dan lagi sahabat beta pun boleh harap dan perchaya Tuan Swettenham itu menjadi wakil ka-pada sahabat beta dan menjalankan perkara negeri sahabat beta itu ada-nya. Hal ini-lah beta maalomkan ka-pada sahabat beta ada-nya.

Ter-tulis di-dalam bandar Singapura ka-pada 18 Hari-Bulan June ka-pada Sanat 1875.

Maka beta terima kaseh banyak2 ka-pada Tuan Governor tiga buah negeri kerana hantarkan Tuan Swettenham itu menjadi Assistant Resident di-tempat beta dan beta terima-lah dengan beberapa kesukaan Tuan Swettenham itu menjadi Assistant Resident ada-nya.⁶⁴

62 P/SP 2/8, Selangor Administration Report for the Year 1901 dan *Straits Times*, Port Swettenham, 13 September 1901.

63 CO 273/76, British Resident in Selangor, 7 September 1874 dan B/SUK 34/75, Reports Arrival of Mr. Swettenham.

64 SP 12/16, Frank Athelstane Swettenham, Letter from Sir Andrew Clarke to Sultan Abdul Samad-Appointment of Sir Frank Swettenham as Asst. Resident to Selangor 18th June 1875.

Swettenham mendapat pujian daripada British kerana menjalankan tugas dengan baik sebagai Audit Akaun Negeri-Negeri Melayu.⁶⁵ Selain itu, Swettenham dipuji oleh British dan Sultan Abdul Samad yang menyatakan bahawa:

Kami berasa bangga terhadap kawan kami yang terpilih sebagai Pegawai British. Dia seorang yang bijak; dia juga pandai dalam adat dan budaya masyarakat tempatan dan dia juga sangat pandai mengambil hati Sultan dan kerabat diraja Selangor melalui percakapan yang lemah lembut, berbudi bahasa dan percakapan yang manis, oleh sebab itu, dia dianggap sebagai seseorang yang ‘mengharumkan kebun bunga’.⁶⁶

Swettenham menjadi Residen British Selangor yang baharu atas saranan Frederick Aloysius Weld, Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk menggantikan Kapten Douglas pada Julai 1882.⁶⁷ Setelah Swettenham menggantikan Kapten Douglas sebagai Residen British Selangor, beliau berusaha membaiki pulih persekitaran bandar dengan menggunakan batu-bata dan ubin-ubin.⁶⁸ Selain itu, Swettenham memperluaskan jalan di bandar. Pada 1883, Swettenham mereka bentuk dan menyelia pembinaan residensi baharu di Kuala Lumpur dengan kos sebanyak \$36,000. Ketika bangunan tersebut hampir siap, pada 1889, Swettenham telah bertukar ke Perak menggantikan Hugh Low, Residen British Perak. Oleh yang demikian, penghuni pertama residensi ini ialah Maxwell, Treacher dan seterusnya sehingga dikenali sebagai Penasihat British pada 1948. Pada 1888, kesihatan Sultan Abdul Samad adalah di tahap baik dan Swettenham membina sebuah istana untuk baginda bersemayam di Kuala Lumpur.⁶⁹ Ini disebabkan British mahukan Sultan Abdul Samad menghabiskan masanya di sana. Namun begitu, Sultan Abdul Samad memberitahu kepada Swettenham bahawa baginda tidak mahu meninggalkan kebunnya di Jugra.

Pada 1886, Swettenham dipilih untuk menjadi Residen British Perak.⁷⁰ Low yang menyarankan kepada British bahawa menempatkan Swettenham sebagai Residen British Perak yang baharu.⁷¹ Ini disebabkan Low berpendapat bahawa dengan pelantikan Swettenham sebagai Residen Perak yang baharu adalah satu keputusan yang bernas.⁷² Low sendiri suka akan perwatakan yang dimainkan oleh Swettenham dalam kerjayanya. Akhirnya, Swettenham bertugas di Perak pada 1889 dan digantikan oleh Maxwell.⁷³ Sebelum Swettenham meninggalkan Selangor untuk berkhidmat sebagai Residen British Perak, beliau menyatakan dalam Laporan Tahunan Selangor 1888 bahawa:

65 CO 882/4/10, Mr. Swettenham's Tour Through the Protected Native States in the Autumn of 1878.

66 CO 882/3/4, Governor Sir A. Clarke, K. C. M. G., to the Earl of Carnarvon, 5 November 1874.

67 SP 12/31, Frank Athelstane Swettenham, Letter from Governor of Straits Settlements to the Earl of Kimberly, Colonial Office, Recommending the Appointment of F. A. S. as Resident of Selangor.

68 Peter Chay, *Kuala Lumpur: Minarets of Old, Visions of New*, Malaysia: Foto Technic Sdn. Bhd., 1989, hlm. 13.

69 CO 439/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1888.

70 CO 273/139, Governor House, Singapore to Colonial Office, 5 February 1886.

71 CO 273/139, Enclosure in des: No. 53 of 5 February 1886, H. B. M's Resident Perak to the Colonial Secretary, 11 January 1886.

72 CO 273/139, H. B. M's Resident Perak to Mr. F. A. Swettenham, 11 January 1886.

73 SP 12/39, Frank Athelstane Swettenham, Address in Mandarin with Translation to Frank A. Swettenham from the Leading Chinese Towns of Kuala Lumpur Expressing on His Transfer to Perak as Resident, and Also Their Appreciation, 1889.

*This is the last Report I shall write on Selangor, and I close it with regret for I have conceived a great regard for the Sultan, who has a single-hearted trust in the value of British advice, I hold the Officers of Government in much respect for their earnest and conscientious work, and I have a confident belief in the resources and future of the State, with whose interest I have been so nearly connected for the last six and a half year.*⁷⁴

John Pickersgill Rodger

Pada 1884, Weld melantik Rodger sebagai Pemangku Residen British Selangor kerana Swettenham diarahkan bertugas ke Perak. Weld menyatakan bahawa:

*My own opinion that there may no one in the device to competent as Mr. Rodger to take charge of the vacant appointment and that there was no qualified officer in the straits service who could have been placed in it without inconvenience to the public interest.*⁷⁵

Ketika menjadi Pemangku Residen British Selangor, Rodger terlibat dalam urusan Adat Penggantian Selangor. Ini disebabkan Sultan Abdul Samad menulis surat kepada Rodger untuk menentukan siapa yang lebih berhak memegang jawatan sebagai Raja Muda Selangor. Sebelum pentadbiran British di Selangor, para pembesar dikenali Orang Besar Empat Suku terdiri daripada Dato' Aru, Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang, Dato' Ungku Mukim Petaling dan Dato' Kaya Mukim Klang merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam Adat Penggantian Raja Selangor untuk melantik Raja Muda Selangor. Perkara ini ditegaskan oleh Sultan Abdul Samad melalui surat baginda kepada Rodger.

Pada 10 Disember 1887, Raja Sulaiman, putera Raja Musa dilantik sebagai Raja Muda Selangor. Namun begitu, Raja Sulaiman bukan putera sulung Raja Musa. Putera sulung Raja Musa ialah Raja Tahir tetapi tidak dilantik sebagai Raja Muda Selangor kerana dianggap tidak layak untuk menduduki takhta itu. Sultan Abdul Samad mempunyai putera-putera lain iaitu Raja Kahar dan Raja Nusa. Namun begitu, para pembesar yang bersidang dalam mesyuarat dan melaksanakan pengundian dianjurkan oleh Rodger dengan titah Sultan Abdul Samad memilih Raja Sulaiman sebagai Raja Muda Selangor pada 1887. Ekoran Raja Musa yang meninggal dunia pada 7 Julai 1884, jawatan Raja Muda Selangor mengambil masa lebih kurang tiga tahun untuk dipenuhi kerana terdapat beberapa calon yang boleh menuntut jawatan tersebut. Calon-calonnya terdiri daripada Raja Kahar dan Raja Nusa yang merupakan putera-putera Sultan Abdul Samad, Raja Laut, Raja Jabar dan Raja Ibrahim yang merupakan putera-putera Sultan Muhammad dan Raja Tahir dan Raja Sulaiman yang merupakan putera-putera Raja Musa.

Sultan Abdul Samad menitahkan satu mesyuarat khas terdiri daripada kerabat raja, pembesar, pegawai Melayu, penghulu dan orang ternama untuk memilih Raja Muda Selangor secara undian demi mendapatkan keputusan bersama dan adil yang diadakan di

⁷⁴ CO 439/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1888.

⁷⁵ CO 273/128, Government House, Singapore, to Colonial Office, 4 June 1884.

Pejabat Residen, Kuala Lumpur pada Disember 1887. Sultan Abdul Samad menulis surat kepada Rodger untuk menguruskan pelantikan tersebut. Dalam surat Sultan Abdul Samad yang bertarikh 8 Januari 1887 menyatakan bahawa:

Ehwal beta maklumkan kepada sahabat beta darihal beta ini sudah tua banyak uzur fikiran beta jika tiada ditentukan pada masa ada hayat beta ini beta takut menjadi gaduh peninggalan beta kemudian hari jadi tiada tentu anak cucu beta kelak adanya. Maka inilah beta minta kepada sahabat beta serta dengan kerapatan pegawai negeri memilih mana-mana yang patut kepada sahabat beta sekalian akan jadi bakal ganti beta kelak hari kemudian. Apakala sudah dapat bolehlah sahabat beta beri khabar mari kepada beta supaya boleh beta angkat menjadikan Raja Muda.⁷⁶

Pada 8 Ogos 1887, Rodger menulis surat kepada Sultan Abdul Samad meminta penjelasan mengenai adat pelantikan Raja Muda Selangor. Pada 11 Ogos 1887, Sultan Abdul Samad menyatakan di dalam surat baginda bahawa pada ketika dahulu dalam pelantikan Raja Muda Selangor, Orang Besar Empat Suku dipanggil berkumpul.⁷⁷ Kemudiannya, Dato' Aru akan bangkit menyatakan bahawa titah sultan nama calon itu disebut dilantik sebagai Raja Muda Selangor. Namun begitu, keadaan berbeza dan mengharapakan Residen British Selangor dapat menguruskannya dengan baik.

Dalam mesyuarat ini, Rodger memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa pemilihan hendaklah mematuhi peraturan bahawa calon yang dipilih hendaklah bukan penagih candu, kaki judi, kaki minum dan sabong ayam. Setelah mengambil masa beberapa hari dan akhirnya bersepakat memilih dan melantik Raja Sulaiman sebagai Raja Muda Selangor. Raja Sulaiman dipilih dan dilantik sebagai Raja Muda Selangor dengan upacara penuh adat istiadat pada 10 Disember 1887.⁷⁸ Raja Sulaiman dipilih berdasarkan adat Selangor iaitu putera Raja Muda Selangor diutamakan terlebih dahulu dalam memegang jawatan Raja Muda Selangor. Sekiranya Raja Muda Selangor mangkat tanpa meninggalkan zuriat diberikan keutamaan kepada putera sultan yang kedua.

Setelah campur tangan pihak British dalam Selangor, Sultan Abdul Samad meminta Rodger bermesyuarat dengan pegawai-pegawai negeri untuk melantik Raja Muda Selangor yang difikirkan sesuai iaitu perlu dilakukan pemilihan untuk Waris Negeri Selangor berkategori raja dan bukan secara keturunan. Raja Muda Selangor akan dipilih daripada keturunan Waris Negeri Selangor yang terdekat dan memilih calon Raja Muda Selangor daripada pemilihan yang dilakukan.⁷⁹ Rodger akan menguruskan pemilihan bersama-sama Sultan Abdul Samad untuk menentukan dan melangsungkan pemilihan bagi melantik Raja Muda Selangor.⁸⁰ Dengan ini, Raja Sulaiman telah dipilih sebagai Raja Muda Selangor mengikut adat Selangor

76 SP 79/3, Mahidin bin Mohd Rashid, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor.

77 CO 717/117/12/1, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor.

78 CO 273/130, Governor House, Singapore, to Colonial office, 9 October 1884.

79 SP 79/3, Mahidin bin Mohd Rashid, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor.

80 CO 537/1585, Sultan of Selangor, Without Date.

ketika zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad dan Rodger.⁸¹ Raja Sulaiman diisytiharkan sebagai Raja Muda Selangor pada 3 Disember 1887 di Jugra.⁸² Namun begitu, terdapat beberapa orang tertentu tidak menghadiri semasa pertabalan Raja Sulaiman menjadi Raja Muda Selangor pada 10 Disember 1887.⁸³ Mengikut rekod ditulis, mereka yang dapat hadir dalam pemilihan Raja Muda Selangor ialah raja-raja Selangor, pembesar-pembesar Selangor, orang-orang Melayu ternama dan para penghulu.⁸⁴ Rodger akan mengumumkan syarat-syarat dalam upacara pemilihan tersebut. Para raja Selangor yang hadir, antaranya Raja Berkat.⁸⁵

Pada 31 Ogos 1889, Sultan Abdul Samad memberi titah kuasa kepada Raja Sulaiman sebagai Raja Muda Selangor dan jajahan takluknya sepertimana peraturan adat raja-raja berdaulat. Pengisytiharan ini kemudiannya diumumkan oleh Rodger untuk perhatian anak raja, pegawai dan pedagang, Melayu, Cina, India dan semua rakyat negeri Selangor. Pada 6 Februari 1898, Sultan Abdul Samad mangkat ketika berusia 93 tahun.⁸⁶ Mengikut adat takhta kerajaan Selangor, Raja Sulaiman akan menduduki takhta tersebut dengan memakai gelaran Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah.⁸⁷

81 CO 273/130, Governor House, Singapore, to Colonial Office, 9 October 1884 dan B/SUK KL 768/87, Reports Meeting of Rajas & Headmen for the Purpose of Electing A Raja Muda of Selangor, di sini ada menyatakan laporan undian yang dilakukan dalam mesyuarat tersebut:

1. For Raja Sleman	-	37
2. For Raja Laut	-	1
3. For Raja Sleman or Raja Laut	-	3
4. Not Vote	-	1
5. Absent	-	22
6. Refer to Sultan or Resident	-	<u>22</u>
		86

82 B/SUK KL 2790/87, Installation of Raja Sleman as Raja Muda of Selangor.

83 B/SUK MISC 3187/87, Informs of His Inability to Attend the Installation of Raja Muda.

84 Namun begitu, beberapa orang tertentu yang tidak menghadiri mesyuarat pelantikan Raja Muda Selangor. Lihat dalam B/SUK MISC 736/87, Raja Ismail bin Raja Abdullah, Regretting Inability to Attend Meeting for Election of Raja Muda menyatakan bahawa Raja Ismail bin Raja Abdullah gagal untuk menghadiri ke pejabat residen untuk memilih Raja Muda Selangor, B/SUK MISC 737/87, Report and Inability to Attend Meeting to Elect Raja Muda menyatakan bahawa Raja Impeh bin Raja Abdullah gagal untuk menghadiri ke pejabat residen untuk memilih Raja Muda Selangor, B/SUK MISC 780/87, Informs that He Was Unable to Attend to the Meeting Re. Election of Raja Muda menyatakan bahawa Raja Daud bin Raja Hussein tidak dapat menghadiri mesyuarat perlantikan Raja Muda Selangor di Jugra akibat terlepas kapal yang hendak dinaiki, B/SUK MISC 865/87, Re. His Inability to Attend to the Meeting For the Election of Raja Muda menyatakan bahawa Tunku Kudin tidak dapat menghadiri mesyuarat perlantikan Raja Muda Selangor kerana kelewatan mendapat surat dari Residen British Selangor selama lima hari dan B/SUK MISC 868/87, Re. His Inability to Attend the Meeting of the Election of Raja Muda mengatakan bahawa Raja Hitam bin Raja Unos tidak dapat menghadiri mesyuarat perlantikan Raja Muda Selangor dan beliau menyokong sesiapa sahaja yang akan dipilih.

85 SP 79/3, Mahidin bin Mohd Rashid, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor dan CO 537/1585, Sultan of Selangor.

86 B/SUK 179 A/1898, Re-Message from the Raja Muda Thanking for the Kind Expressions of Sympathy on Death of Late Sultan.

87 Ketika pemerintahan Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah, British mencampuri urusan Adat Penggantian Selangor. Untuk keterangan lanjut, sila lihat dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kesultanan", Abdullah Zakaria Ghazali (editor), *Sejarah Negeri Selangor dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*, hlm. 115-119 dan hlm. 136-145, CO 273/130, Governor House, Singapore, to Colonial office, 9 October 1884, CO 537/1585, Sultan of Selangor, Statement Made to the Sultan of Selangor by the Secretary of State on 23rd November 1936 at the Colonial Office, CO 537/1585, Sultan of Selangor, Interview with H. H. The Sultan of Selangor, SSG 407/1936, Installation of Raja Muda, *The Straits Times*, Selangor's Raja Muda Nobly Installed, 20 July 1936, *The Malay Mail*, Tengku Alam Shah Installed as Raja Muda, 20 July 1936, WO 203/5635A, Malay Sultans, June 45-Jan 46, Detention of Tunku Musa-Addin, WO 203/5635A, Malay Sultans, June 45-Jan 46, Interview with H.

William Edward Maxwell

Ekoran Swettenham dilantik menjadi Residen British Perak pada 1 Jun 1889, jawatan Residen British Selangor dipegang oleh Maxwell, Pemangku Residen Kaunselor Pulau Pinang. Maxwell tiba di Selangor pada 6 Ogos 1889.⁸⁸ Sultan Abdul Samad diberitahu mengenai perlantikan Maxwell.⁸⁹ Selain itu, pada Ogos 1889, Raja Sulaiman meminta izin daripada Maxwell untuk menginap di istana sepanjang beliau berada di Kuala Lumpur.⁹⁰ Pada September 1889, cop Maxwell bertulis “W. E. Maxwell, British Resident, Selangor” dibuat dan dihantar pada bulan sama.⁹¹ Pada November 1889, Maxwell memaklumkan kepada Sultan Abdul Samad mengenai masalah menggunakan pejabat kerajaan di Kuala Langat dan meminta izin baginda untuk membina pejabat baharu atau membesarkan pejabat sedia ada.⁹² Dalam 1889, Raja Sulaiman membuat jamuan dan beliau menjemput Maxwell menghadiri jamuan tersebut, bertujuan mengeratkan silaturahmi.⁹³

Maxwell merupakan Residen British Selangor yang keempat dan menurut Laporan Tahunan Selangor 1889 menyatakan bahawa:

*I have the fullest hope and confidence that with the loyal co-operation of the Sultan and Chiefs of the State and of the English Officers in its service, many of the details in which the administration is in need of amendment will receive attention in the ensuing year and that in a State where law and order have now long been established and where the growth of revenue has been so remarkable, I may be able later to report that a higher standard of efficiency has been reached in Judicial and Department organisation.*⁹⁴

Maxwell telah menubuhkan lembaga kebersihan yang diambil daripada cadangan Kapten Douglas pada 1879. Pada tahun pertama Maxwell menjadi Residen British Selangor, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor diadakan sebanyak dua kali sahaja iaitu di Kuala Lumpur dan Jugra. Berdasarkan keputusan dalam mesyuarat-mesyuarat itu, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor memutuskan melaksanakan:

1. *A Proclamation forbidding the exportation of adulterated tin and rendering the exporter liable to fine and forfeiture of the tin.*
2. *The Straits Settlements Ordinance (No. 3 of 1884) for the protection of wild birds, mutatis mutandis*

H. The Sultan of Selangor, 14th September 1945, Abdullah Zakaria bin Ghazali, “Adat Penggantian dalam Kesultanan Selangor 1766-1938,” Adnan Hj. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd., 1992, hlm. 85-97, Abdullah Zakaria, “Institusi Kesultanan Selangor”, Seminar Sejarah Negeri Selangor 14-15 Mei 1999, Kuala Selangor, hlm. 2-6 dan SP 79/2, Mahidin bin Mohd Rashid, *Sejarah Dato’ Ungku Kelang Dengan Negeri Selangor*.

88 B/SUK KL 2578/89, Re. Mr. Maxwell’s Arrival dan B/SUK KL 2412/89, Re. Approach Arrival of Mr. Maxwell.

89 B/SUK CS 2759/89, The Sultan of Selangor to be Informed of Mr. Maxwell’s Appt. as Resident.

90 B/SUK LANGAT 2792/89, Re Istana for Raja Muda’s Use While in K. Lumpor.

91 B/SUK KL 2936/89, Chop for Resident Selangor dan B/SUK MISC 3070A/89, Re Resident Chop.

92 B/SUK KL 3567/89, Proposes to Build a New Govt. Offices at Jugra Next Year.

93 B/SUK US 3336/89, Forwards a Letter from the Asst. Col. Regarding his Entertaining of the Raja Muda.

94 CO 493/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1889.

3. *Rules and Regulation for the guidance of all persons concerned in the care and management of prisons and prisoners.*
4. *Grant of a monthly allowance of \$50 for performance of Divine Service in the Protestant and Roman Catholic Churches, respectively.*
5. *A Proclamation relating to the improper removal or alteration of Government bench marks and boundary stones.*⁹⁵

Pada 1890, sebanyak 10 Majlis Mesyuarat Negeri Selangor diadakan. Sepanjang tahun tersebut, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor memutuskan secara bersepakat melaksanakan perkara-perkara seperti:

- 1 *Storage of, and License to Sell, Petroleum.*
- 2 *Registration of Smelling Houses.*
- 3 *Prevention of Crimping.*
- 4 *Occupation of Unalienated Land for Village Sites.*
- 5 *Quarantine (Dogs).*
- 6 *Importation, etc, of Arms.*
- 7 *Conservaney.*
- 8 *Registration of Imports and Exports.*
- 9 *Administration of Postal Matters.*
- 10 *Telegraphs.*
- 11 *Rates and Taxes.*
- 12 *Hackney Carriages.*
- 13 *Railways.*
- 14 *Census.*
- 15 *Customary Service.*⁹⁶

Sebelum meninggalkan Selangor pada 1892, Maxwell menyusulkan peraturan terhadap jabatan yang terdapat pada ketika itu. Peraturan tersebut ialah:

1. *Instructions to Survey Office*
2. *Rules under the Land Code, 1891*
3. *Instructions to the Mines Office*
4. *Railway rules.*⁹⁷

Maxwell membina Bangunan Sultan Abdul Samad pada awal 1889, bertujuan menyeragamkan pentadbiran demi mencapai pembangunan di Selangor. Pada ketika itu, Kuala Lumpur hanya terdapat bangunan-bangunan rumah kedai dan beberapa bangunan kerajaan yang tidak berapa menonjol. Bagi menonjolkan keistimewaan pusat pentadbiran British di Selangor, Maxwell membawa Charles Edwin Spooner dari Ceylon sebagai Jurutera Negeri Selangor dan dibantu oleh George C. Bellamy dan Arthur Charles Alfred Norman

95 CO 493/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1889.

96 CO 493/1, Annual Report of the State of Selangor for the Year 1890.

97 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1892.

sebagai arkitek. Pada mulanya, reka bentuk asal dikemukakan oleh Norman adalah hanya sebuah bangunan berkonsep Inggeris *Classical Renaissance*. Namun begitu, Regent Alfred John Bidwell, seorang arkitek muda, orang yang bertanggungjawab mengadaptasi seni bina Islam (*Mahomedan style*) sebagai tonggak reka bentuk bangunan tersebut. Ini disebabkan Spooner kurang berpuas hati dengan reka bentuk dikemukakan oleh Norman sebelum ini. Bangunan dua tingkat ini mempunyai ketinggian 17.5 meter dengan menara jam setinggi 40 meter dan meliputi kawasan seluas 10,200 meter persegi. Ciri utama bangunan ini adalah ketiga-tiga kubahnya, menara jam besar dan arked serta lengkungannya yang luas. Ketiga-tiga kubah tersebut yang asalnya diperbuat daripada kayu dan batu bata dan dicat hitam, digantikan dengan kubah-kubah bersalut tembaga. Kubah yang terletak di atas menara jam besar diapit oleh dua kubah kecil dengan tangga pilin menurun. Kubah tengah agak luar biasa kerana ia adalah paduan dua ciri tradisional kubah dan kios. *Arch* yang terdapat di bangunan ini adalah berbentuk ladam yang tajam dengan jarak antara dua tiang yang berbeza-beza. Ianya diperbuat daripada batu-bata yang dicat hitam. Menara jam besar yang terletak di tengah-tengah diimbangi oleh dua menara kecil di sudut bangunan. Tangga pilin di menara kecil menghala ke arah menara melambangkan keagungan bangunan ini.

Dalam perniagaan candu, pada 1890, Maxwell mendapat kelulusan untuk menyediakan \$57,000 sebagai pinjaman kepada pelombong Cina yang sebanyak \$50,000 diberikan kepada Yap Kwan Seng, Kapitan Cina. Sistem pemberian pinjaman ini telah diteruskan sehingga ia dihentikan pada 1894 tetapi pada 1896, Charles Bullen Hugh Mitchell, Gabenor Negeri-Negeri Selat meluluskan satu pinjaman berjumlah \$50,000 kepada Yap Kwan Seng dan Loke Yew atas tujuan perniagaan candu, demi meningkatkan hasil ekonomi Selangor.

Pada 1890, Maxwell dilantik oleh Mitchell untuk melakukan kerja tambahan bagi William Francis Bourne Paul, Residen Sungai Ujong kerana beliau jatuh sakit dan pulang ke England.⁹⁸ Maxwell akan mendapat separuh gaji dari Residen Sungai Ujong yang bermula pada 1 Jun 1890.⁹⁹ Selain itu, Rano, Pemangku Bendahari Selangor, akan melakukan kerja tambahan sebagai juruaudit di Sungai Ujong dan dibayar separuh gaji jawatan juruaudit kepadanya. Pelantikan ini menunjukkan bahawa Sungai Ujong pernah dimiliki oleh Selangor buat sementara waktu.

Pada 8 Mac 1892, Maxwell meninggalkan Selangor dan menyandang jawatan baharu iaitu sebagai Setiausaha Jajahan Negeri-Negeri Selat. Ekoran itu, Treacher dilantik menjadi Residen British Selangor yang seterusnya. Namun begitu, Birch menjadi Pemangku Residen British Selangor sepanjang 1892 kerana Treacher mempunyai masalah kesihatan dan kembali ke England untuk memulihkan kesihatannya.

Ernest Woodford Birch

Pada 8 March 1892, Maxwell dilantik menjadi Setiausaha Jajahan Negeri-Negeri Selat. Ekoran pelantikan Maxwell tersebut, Treacher, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dilantik menjadi Residen British Selangor yang kelima. Namun begitu, dalam Laporan Tahunan

98 B/SUK 384/90, Re Mr. W. E. Maxwells Additional Appointment as Acting Resident of Sungai Ujong.

99 B/SUK COL. SEC. 719-1890, Appointments of Mr. W. E. Maxwell as Ag. Resident Sungai Ujong in Addition to His Own Duties as Resident Selangor and of Mr. Rano as Acting Treasure in Addition to His Own Duties as Auditor.

Selangor 1892 menyatakan bahawa, “....*Pending his arrival, Mr. F. G. Penney, of the Straits Civil Service was appointed to act as Resident, and took up his duties on the 8th April; but at the expiration of three weeks illness necessitated his departure for Europe on leave absence...*”.¹⁰⁰ Ekoran daripada keadaan kesihatan Frederick Gordon Penney yang kurang baik, Cecil Clementi Smith, Gabenor Negeri-Negeri Selat memberi arahan kepada Birch yang berkhidmat di Melaka bertukar ke Selangor untuk menggantikan Treacher sehingga pulang ke Tanah Melayu. Berikutan itu, Birch dilantik sebagai Pemangku Residen British Selangor pada 9 Mei 1892 dan menjawat jawatan tersebut sepanjang tahun sama.¹⁰¹

Menurut laporan Birch dalam Laporan Tahunan Selangor 1892, pada 5 November 1892 sehingga 8 November 1892, Smith melawat Selangor dan menghadap Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur. Mereka berjumpa dan berbincang mengenai pembangunan yang berlaku di Selangor. Melalui perbincangan tersebut, Sultan Abdul Samad berasa suka cita bahawa Smith melawat baginda. Selain itu, dalam perjumpaan tersebut, Sultan Abdul Samad berasa suka cita bahawa jalan kereta api menuju ke daerah Hulu Selangor dibuka pada 1892.¹⁰²

Menurut Laporan Tahunan Selangor 1892, Birch menyatakan bahawa sebanyak tujuh pertemuan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor berlaku sepanjang 1892. Ekoran itu, sebanyak 11 regulasi diputuskan secara bersama antara ahli Melayu dengan British iaitu:

1. *To define the Rights of Holders of Agreements for Leases of Land*
2. *Registration of Births*
3. *Vaccination*
4. *Labour Contracts*
5. *To amend the Post Office Regulation, 1890*
6. *Penalty for defrauding the Customs*
7. *Prohibiting the Landing of Descrepit Beggars*
8. *To amend the Land Code, 1891*
9. *To amend No. 1. of 1892*
10. *Registration of Marriages of British Subjects*
11. *To amend the Rates and Taxes Regulation.*¹⁰³

Selain itu, pada akhir 1892, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor menyediakan draf regulasi untuk tahun hadapan iaitu:

1. *To clear Verandahs and five-foot Paths*
2. *To provide for the Inspection of Engines and Boiler Ashore*
3. *To regulate Chinese Brothels*
4. *To prevent the introduction and spread of Infectious and Contagious Diseases.*¹⁰⁴

100 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1892.

101 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1893 dan B/SUK KL 2861/92, Re The Appointment of Messrs. Treacher, Penny & Birch. States that the Treasurer has asked for Instruction as to Paying Their Salaries & Allowances.

102 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1892.

103 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1892.

104 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1892.

Pada akhir 1892, Birch tamat berkhidmat sebagai Pemangku Residen British Selangor. Birch berkhidmat selama lapan bulan, kemudian dilantik menjadi Residen British Perak pada 1893.¹⁰⁵ Akhirnya, pada 1893, Treacher yang merupakan Residen British Selangor telah tiba dan meneruskan pentadbiran British di Selangor sehingga 1895.

William Hood Treacher

Berikutan Maxwell tamat jawatannya sebagai Residen British Selangor pada 1892, Treacher dilantik menjadi Residen British yang kelima.¹⁰⁶ Namun begitu, Treacher meninggalkan Tanah Melayu buat sementara waktu pada 1892 dan diganti oleh Birch yang menjadi Pemangku Residen British Selangor pada Mei 1892. Akhirnya, Treacher kembali ke Tanah Melayu dan berkhidmat sebagai Residen British Selangor pada 11 Januari 1893.¹⁰⁷

Ketika Treacher menjadi Residen British Selangor, menurut Laporan Tahunan Selangor 1893, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 1893, sebanyak 21 regulasi dilaksanakan kecuali nombor 17 yang regulasi tersebut masih dalam pertimbangan. Persetujuan dicapai antara ahli Melayu dengan British, regulasi yang dilaksanakan pada ialah:

1. *Conservancy Regulation, 1890. Amendment.*
2. *Steam Boilers (Ashore) Inspection.*
3. *Quarantine and Preventio of Disease.*
4. *Public Servants (Liabilities).*
5. *Penalties for Non-payment of Fines.*
6. *Excise Law, 1888, Amendment.*
7. *Savings Bank.*
8. *Limitation of Suits.*
9. *Prisons.*
10. *Balau Valley Administration.*
11. *Courts.*
12. *Women and Girl's Protection.*
13. *Weight and Meisures.*
14. *Land Acquisition.*
15. *Rates and Taxes (Extension).*
16. *Police Force.*
17. *Masih dalam pertimbangan.*
18. *Education Rate.*
19. *Prohibition of Lotteries.*
20. *Tires of Wheels (Minimum Width).*
21. *Rates and Taxes (Amendment).*¹⁰⁸

¹⁰⁵ B/SUK 833/1892, Regarding Mr. Birch's Appointment as Resident to Government Perak-date of.

¹⁰⁶ B/SUK KL 2861/92, Re The Appointment of Messrs. Treacher, Penny & Birch. States that the Treasurer has asked for Instruction as to Paying Their Salaries & Allowances.

¹⁰⁷ CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1893.

¹⁰⁸ CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1893.

Pada 1880-an, Yap Kwan Seng, Towkay Loke Yew dan Thamboosamy Pillay adalah antara individu yang terlibat dalam mencetuskan idea untuk membina Victoria Institution di Kuala Lumpur, bertujuan memberikan pendidikan kepada kanak-kanak berstatus raja, pembesar dan elit. Menerusi sokongan Treacher dan sumbangan Sultan Abdul Samad dan Raja Sulaiman, Victoria Institution ditubuhkan pada 1893 dan dibuka secara rasmi pada 30 Julai 1894.¹⁰⁹ Bennett E. Shaw yang menjadi guru besar sekolah tersebut pada tahun sama.¹¹⁰ Menurut cucu Yap Kwan Seng dalam akhbar *Star*, 4 Ogos 2010 menyatakan bahawa, “*I also learnt that my grandfather was one of the founders and original trustees of the Victoria Institution in 1893*”.¹¹¹

Menurut Laporan Tahunan Selangor 1893, Treacher menyatakan bahawa sebuah Gereja Inggeris dicadangkan untuk ditubuhkan bagi penganut agama Kristian di Selangor pada 1893.¹¹² Ekoran pembinaan tersebut, Sultan Abdul Samad memberi bantuan kewangan sebanyak \$5,000 kepada British. Di samping itu, British mengumpul kewangan sebanyak \$10,188. Selain itu, Kapitan Cina dan beberapa orang Cina serta Syarikat Singapura memberi bantuan kewangan dalam pembinaan Gereja Inggeris. Akhirnya, pembinaan Gereja Inggeris akan dilaksanakan dan dijangka siap pada 1894.

Pada Oktober 1894, Treacher meninggalkan Selangor buat sementara waktu sehingga 1895.¹¹³ Jawatan tersebut disandang oleh Rodger tetapi hanya dilantik sebagai Pemangku Residen British Selangor pada 1894-1895.¹¹⁴ Namun begitu, pada 1896, Rodger dilantik menjadi Residen British Selangor yang keenam. Ini disebabkan pada 1896, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dikuatkuasakan dan Residen Jeneral untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pula, disandang oleh Swettenham.¹¹⁵ Ekoran itu, Treacher telah dilantik menjadi Residen British Perak pada 1 Julai 1896 bagi menggantikan Swettenham dan Rodger menjadi Residen British Selangor.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Residen British Selangor memainkan peranan dengan baik pada 1874-1895. Mereka, lebih-lebih lagi Swettenham, merupakan residen yang disukai oleh Sultan Abdul Samad, raja-raja Selangor, pembesar-pembesar Selangor, penghulu-penghulu

109 B/SUK RESIDENCY 4086/1893, Victoria Institution-Request that the Sum of \$3,188 be Lodged in the Bank to the Credit of the Trustees.

110 B/SUK 666/1894, Opening of the Victoria Institution School in the New Building.

111 Untuk keterangan lanjut, sila lihat dalam akhbar *Star*, Yap Kwan Seng did more than just lend his name to a road, says granddaughter, 4 Ogos 2010.

112 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1893.

113 B/SUK RESIDENCY 4870/1895, Leave of Mr. Treacher, British Resident dan B/SUK 665A/1895, Copies of Telegram Re Extension of Leave of Mr. Treacher-Forwards.

114 CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1894.

115 Perjanjian antara negeri-negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah dilaksanakan pada 21 Jun 1895 berkuat kuasa 1 Julai 1896. Perjanjian tersebut telah menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang ditadbir oleh residen jeneral yang merupakan pegawai British yang tertinggi pada ketika itu dan kedudukan Residen British adalah di bawah jawatan ini. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam CO 439/1, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1895, CO 439/2, Administration Report of the State of Selangor for the Year 1896 dan CO 576/1, Report by the Resident-General of the Federated Malay States to His Excellency the High Commissioner (Sir C. B. H. Mitchell) 1896.

dan penduduk tempatan merangkumi Melayu dan Cina. Manakala Kapten Douglas pula, masyarakat Melayu khususnya kurang menyukai corak pentadbirannya, lebih-lebih lagi Tunku Kudin, sanggup melepaskan jawatan sebagai Wizurai Selangor dan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ekoran berselisih faham pada 1877. Untuk konteks kemajuan, era Swettenham lebih membanggakan dengan penyeragaman daerah dilaksanakan, menyeragamkan institusi penghulu dan memperbanyakkan pembentukan jabatan dan pejabat di Selangor. Seterusnya, diikuti oleh Rodger, Maxwell, Birch dan Treacher. Walaupun Kapten Douglas kurang disukai oleh masyarakat Melayu, namun beliau memainkan peranan utama dengan memindahkan pusat pentadbiran British dari mukim Klang ke mukim Kuala Lumpur pada 1880, kemudian menjadi ibu negara Malaysia berkuat kuasa 1 Februari 1974. Davidson, Kapten Douglas, Swettenham, Rodger, Maxwell, Birch dan Treacher berjaya membangunkan Selangor dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi dengan mendapatkan kerjasama, peranan dan sumbangan penduduk tempatan seperti Sultan Abdul Samad, Raja Musa, Raja Sulaiman, Raja Berkat, Raja Laut, Raja Haji Bot, Raja Kahar, Raja Yaakob, Raja Hassan, Raja Haji Mahmud, dan institusi penghulu dari 1874-1895. Tanpa kerjasama ini, pembangunan akan tergugat, dan sukar dimajukan pada setiap masa.